

Soalan Lazim (FAQ) – Semakan Rebat Tunai untuk Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans

- 1. Bilakah semakan Rebat Tunai untuk transaksi AIG Insurans di terminal Kad Kredit CIMB Bank menggunakan Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans akan berkuatkuasa?**

Anda akan menerima Rebat Tunai 0.2% untuk transaksi yang dipaparkan pada 23 Disember 2025 dan seterusnya. Sila lihat senario berikut:

Senario A:

Anda telah melakukan transaksi AIG Insurans sebanyak RM1,000 di Terminal CIMB menggunakan Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans anda pada 20 Disember 2025, dan transaksi tersebut tertera pada penyata anda pada 22 Disember 2025. Transaksi ini masih layak untuk Rebat Tunai 1.2% sedia ada.

Senario B:

Anda telah melakukan transaksi AIG Insurans sebanyak RM1,000 di Terminal CIMB menggunakan Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans anda pada 22 Disember 2025, dan transaksi tersebut tertera pada penyata anda pada 28 Disember 2025. Transaksi ini akan layak untuk 0.2% Rebat Tunai.

- 2. Adakah saya masih akan menerima Rebat Tunai untuk transaksi lain (contohnya barangan runcit atau perbelanjaan makanan) yang dibuat menggunakan Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans saya?**

Tiada semakan Rebat Tunai yang diberikan ke atas transaksi lain yang dibuat menggunakan Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans. Transaksi lain merujuk kepada sebarang transaksi bukan AIG Insurans di Terminal CIMB Bank dan/atau sebarang transaksi di Terminal bukan CIMB Bank.

- 3. Adakah saya masih akan menerima Rebat Tunai untuk Transaksi Berulang selepas 23 Disember 2025?**

Anda tidak akan menerima Rebat Tunai untuk Transaksi Berulang yang dipaparkan pada dan selepas 23 Disember 2025.

- 4. Apakah Transaksi Berulang?**

Ini adalah susunan pembayaran di mana anda memberi kebenaran kepada pedagang sekali sahaja, dan mereka akan secara automatik mengenakan bayaran kepada Kad Kredit CIMB Merchant AIG Insurans anda secara berkala. Sebagai contoh, bulanan atau tahunan.